

25 NOV 2002

Wong-Mahkamah/I

JAMES WONG FAIL PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN TERHADAP PEMBATALAN SNAP

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang telah dibatalkan pendaftarannya, hari ini memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini bagi semakan semula kehakiman untuk mengetepikan keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) yang membatalkan pendaftaran parti berusia 41 tahun itu.

Pada 5 Nov lepas, Pendaftar pertubuhan Datuk Ismail Dollah Harun membatalkan pendaftaran SNAP berikutan kegagalan parti itu menyelesaikan krisis kepimpinan.

Bekas presiden SNAP Datuk Amar James Wong Kim Min berkata permohonan itu difailkan oleh firma guaman Skrine and Co, yang dilantik untuk mewakili bekas anggota SNAP dalam permohonan semakan kehakiman itu.

Wong, 80, ahli politik paling tua dan paling lama berkhidmat secara aktif dalam politik, berkata: "Kami kini menyerahkan kepada kebijaksanaan mahkamah untuk membetulkan apa yang kami anggap salah."

Bercakap kepada Bernama di sini, Wong berkata permohonan itu dibuat ekoran permintaan bekas anggota SNAP pada mesyuarat pada 16 Nov lepas di Kuching yang menggesa beliau (Wong) menggunakan segala usaha untuk menghidupkan parti itu.

Pada mesyuarat itu, belas anggota SNAP yang mewakili kesemua 62 bahagian parti berkenaan serta sayap wanita dan pemuda, memberi mandat penuh kepada Wong untuk merayu terhadap keputusan pembatalan parti itu selain menggunakan segala peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menghidupkan semula parti berkenaan.

Mesyuarat itu turut menolak kemasukan ke dalam parti yang baru didaftarkan, Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) yang mereka anggap bertanggungjawab membatalkan SNAP.

Bekas anggota parti itu berikrar menyertai secara serentak dalam parti komponen BN pilihan masing-masing jika mereka gagal dalam proses undang-undang ini.

Ditanya mengapa beliau tidak merayu kepada Menteri Dalam Negeri seperti yang diperuntukkan mengikut Akta Pertubuhan, Wong berkata mereka telah dinasihatkan oleh peguam supaya tidak berbuat demikian memadamkan ia membabitkan urusan undang-undang.

Mengikut Seksyen 16, Akta Pertubuhan 1966, mereka mempunyai 30 hari dari tarikh pembatalan pendaftaran untuk merayu kepada Menteri Dalam Negeri.

Ditanya sama ada beliau sudah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad ekoran pembatalan pendaftaran SNAP, Wong berkata "tidak".

Mengenai tindakan selanjutnya jika usaha itu gagal mengetepikan keputusan ROS, beliau berkata: "Jika usaha itu gagal, mereka (bekas anggota) akan menyertai beramai-ramai dalam parti komponen BN pilihan masing-masing seperti yang diputuskan pada mesyuarat minggu lepas."

-- BERNAMA

AT AHH LAT